



PEMBERITAHUAN (RUJ:MPKPS/20/295/5)

PEMBERIAN DISKAUN SEBANYAK LIMA PULUH PERATUS (50%) BAGI SEWA BULAN JULAI 2021 KEPADA PENYEWA HARTA SEWA MAJLIS PERBANDARAN KANGAR (MAJLIS) YANG TERJEJAS AKIBAT ARAHAN PENUTUPAN PREMIS PERNIAGAAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0 DARI 1 JUN 2021 HINGGA 30 JUN 2021

Majlis Perbandaran Kangar mengambil maklum bahawa pelaksanaan PKP 3.0 mulai 1 Jun yang lalu telah menjaskan ramai peniaga, termasuklah peniaga yang menyewa harta sewa Majlis.

Sehubungan dengan itu, atas rasa prihatin, pihak Majlis bersetuju memberikan **diskaun sebanyak Lima Puluh Peratus (50%) bagi sewa bulan Julai 2021** kepada para penyewa harta sewa Majlis yang terjejas akibat arahan penutupan premis perniagaan sepanjang tempoh PKP bulan Jun. Keseluruhan harta sewa Majlis yang terlibat dengan pemberian diskaun ini berjumlah 449 unit.

Pemberian diskaun ini tidak melibatkan harta sewa dalam kategori Pasar Basah memandangkan pasar basah beroperasi sepenuhnya seperti biasa dalam tempoh PKP.

Pihak Majlis berharap agar inisiatif ini dapat sedikit sebanyak membantu para penyewa harta sewa Majlis yang terjejas sepanjang tempoh tersebut.

Sekian. Terima kasih.

Arahan,

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR**

Tarikh: 02 Julai 2021